

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk kontrak polisi untuk definisi istilah yang huruf besar.

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai insurans anda. Pelanggan lain telah membaca Risalah Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga digalakkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk ini.**

1

Apakah Hospital Shield Plus?

Hospital Shield Plus ialah plan tanpa penyertaan yang menawarkan pendapatan harian penghospitalan sekiranya dimasukkan ke hospital dan akan diperbaharui secara automatik selama tempoh 10 tahun lagi tanpa pengunderaitan, tertakluk kepada had maksimum pembaharuan sebanyak 2 kali dan umur pembaharuan maksimum pada umur 65 tahun.

2

Ketahui Perlindungan/Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM349.98** yang dibayar pada **tahun pertama**, anda akan menerima **perlindungan/faedah** insurans berikut.

Perlindungan yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah untuk Hayat Diinsuranskan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Faedah Pendapatan Harian Penghospotalan	Sekiranya dimasukkan ke Hospital, kami akan membayar pendapatan harian penghospitalan (RM300.00) sehingga maksimum 730 hari bagi setiap tempoh rawatan.
Faedah Pendapatan Harian Penghospotalan Akibat Kanser	Sekiranya dimasukkan ke Hospital akibat Kanser, kami akan membayar pendapatan harian penghospitalan (RM600.00) sehingga maksimum 730 hari bagi setiap tempoh rawatan.
Pembaharuan Automatik	<ul style="list-style-type: none">Pada tamat tempoh plan ini, kami akan memperbaharui plan ini secara automatik selama tempoh 10 tahun lagi tanpa pengunderaitan, tertakluk kepada: (a) Mencapai umur Hayat Diinsuranskan semasa pembaharuan tidak melebihi 65 tahun; dan (b) Plan ini tidak melebihi had maksimum pembaharuan sebanyak 2 kali.Kami akan menentukan premium dan sebarang cukai yang dikenakan semasa pembaharuan berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada tarikh pembaharuan.

Sila rujuk Risalah Maklumat Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

Insurans anda **mengecualikan**:

- Penghospotalan melebihi 730 hari bagi setiap tempoh rawatan;
- Seluruh tempoh kemasukan ke Hospital atau mana-mana bahagian daripada tempoh tersebut berlaku dalam tempoh 30 hari pertama selepas Tarikh Penerbitan, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian;
- Apa-apa tempoh kemasukan ke Hospital yang berlaku selepas tamat Tahun Polisi yang segera selepas Hayat Diinsuranskan mencapai umur 76 tahun, atau selepas Tarikh Tamat Polisi ini, mana-mana yang awal.
- Penyakit pra-wujud;
- Penyakit yang ditetapkan yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan;
- Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian kecuali bagi kecenderaan untuk kemalangan;
- Pembedahan Plastik/Kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata, dan pembetulan penglihatan jauh atau dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan, dan preskripsinya;
- Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecenderaan akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh insurans;
- Jagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelnya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang;
- Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
- Penghospotalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecenderaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;
- Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
- Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Hayat Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika tansplan organ dan komplikasinya;
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain;
- Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Hayat diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja;
- Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal Pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Hospital Shield Plus Version 1.0 – Kemas Kini 1 Jan 2026 – E&OE –

Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03 - 7650 1288 Laman Web: www.hla.com.my

- Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
- Sakit atau Kecederaan akibat daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, ski air, aktiviti bawah air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang meyalahi undang-undang;
- Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
- Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.

Nota: Sila rujuk Risalah Maklumat Produk, atau kontrak polisi untuk butiran pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-7650 1288



Layari kami di:
<https://www.hla.com.my/ms/home.html>



E-mel kami di:
customerservice@hla.hongleong.com.my



Imbas kod QR untuk
Risalah Maklumat Produk

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	Premium tahunan sebanyak RM349.98 akan dibayar pada tahun pertama .
---------	---

Tempoh: **10** tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Jumlah Komisen	Tiada komisen yang perlu dibayar bagi polisi ini.
----------------	---

Caj lain yang berkenaan	Yuran pemasaran/yuran rujukan/sebarang jenis yuran berkaitan promosi lain (jika berkenaan)
-------------------------	--

4 Terma Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda yang betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Pembayaran premium selepas tempoh penangguhan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran faedah pada masa hadapan.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda diserahkan kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dan kami akan membayar nilai serahan tunai (jika berkenaan), tolak sebarang jumlah yang anda berhutang kepada kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLIMAT LANJUT.

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal Pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Hospital Shield Plus Version 1.0 – Kemas Kini 1 Jan 2026 – E&OE –

Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03 - 7650 1288 Laman Web: www.hla.com.my